

SERDANG: Kesibukan dengan tugas harian tidak menghalang seorang Ahli Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) mendalami ilmu pengetahuan di menara gading, malah tabah mengharungi cabaran di antara tugas kemasyarakatan dan pelajaran.

Berkat kegigihan itu, Mohd Arif Idris, 46, yang mengikuti kursus linguistik dan komunikasi selama tiga tahun dikurniakan segulung ijazah pada Majlis Konvokesyen ke-27 di Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, semalam.

Lebih menggembirakan, apabila anak sulungnya, Khairul Hazri, 21, turut menerima diploma perhutanan dalam majlis konvokesyen sama, membolehkan mereka anak-beranak mencipta sejarah tersendiri.

"Saya bersyukur kerana dapat menamatkan pengajian dalam tempoh ditetapkan, walaupun secara sambilan. Jika mahu diikutkan, saya memang sibuk dengan tugas harian, kerana dari pagi hingga petang bekerja di UPM dan waktu lain berkhidmat pada masyarakat.

"Kesibukan bekerja dan berkhidmat kepada masyarakat tidak dijadikan alasan, malah ia sebagai cabaran yang perlu ditempuh. Saya memang ingin belajar, tambah ilmu dan mahu menjadikan tauladan kepada anak-anak.

"Menyedari tanggungjawab yang dipikul, saya perlu membahagikan masa dengan bijak, misalnya dalam seminggu tiga hari untuk masyarakat dan tiga hari lagi untuk belajar, manakala sehari lagi saya bercuti dengan keluarga," kata Mohd Arif.

Beliau dilantik sebagai Ahli Majlis

# DUA BERANAK DAPAT IJAZAH SERENTAK

## Ahli Majlis MPKj bijak bahagi masa

MPKj sejak 1999 dan dalam waktu sama bekerja sebagai pengaturcara komputer. Beliau juga aktif dengan aktiviti sosial dan penduduk di sekitar Sungai Ramal, Balakong dan Cheras.

Sebelum ini beliau adalah lulusan Diploma Perniagaan dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan sekarang masih meneruskan pengajian peringkat sarjana dalam bidang komunikasi korporat bagi tempoh dua tahun di UPM.

Anaknya, Khairul Hazri, berkata sepanjang tiga tahun lalu dia belajar bersama-sama bapanya dan saling membantu untuk mendapatkan dan memahami bahan pembelajaran dan rujukan.

"Jika ada mata pelajaran yang sukar, kami berbincang bersama. Saya juga bantu bapa untuk mendapatkan bahan pembelajaran apabila dia kesulitan masa," katanya.



BANGGA...Mohd Arif dan anaknya, Khairul Hazri (di kirinya) meraikan kejayaan bersama (dari kiri) ibu mentua, Norma Ahmad, 62, isterinya, Shuhada Aziz, 45, ibunya, Zainab Hamid, 63 dan anaknya perempuannya, Nurhidayah, 15, di perkarangan UPM, semalam. — L MANIMARAN